

NOVEL SALINA

*Novel Melayu Pertama Yang Berjaya
Mencapai Taraf Antarabangsa*

UTUSAN MALAYSIA, KABU 20 FEBRUARI 2019

SEMPENA ULANG TAHUN UTUSAN MELAYU KE-80

1939-2019
PERUBAHAN
PENGORBANAN

Oleh SAHIDAN JAAFAR

Salina novel pertama bertaraf antarabangsa

Salina yang dikarang oleh wartawan Utusan Melayu di Singapura, A. Samad Said yang juga Pengarang Muzika era 1950-an dianggap oleh pengkritik sastra sebagai novel Melayu pertama yang berjaya mencapai taraf antarabangsa.

Virginia Matheson Hooker dalam buku *Mencipta Masyarakat Baru: Persebaran Sosial Menerusi Novel Melayu (2003)* menyatakan Salina oleh A. Samad kini dianggap oleh pengkritik sastra sebagai novel Melayu pertama yang agak besar menganggotai darjat kesuasanaan Melayu ke suatu tahap yang disifatkan oleh sesetengah sarjana sebagai bertaraf antarabangsa.

Salina memenangi hadiah penghargaan dalam peraduan mengarang novel yang pertama anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1958.

"Salina ialah novel Melayu pertama yang berlatarbelakangkan kawasan melarat di bandar. Tidak ada sebuah novel pun sebelum ini yang menguraikan kemiskinan dan kemelatan dengan begitu terperinci" (Virginia Matheson Hooker 2003: 322).

Menurut Hooker, kandungan Salina yang memfokuskan kemiskinan, kemelatan hidup dan pelacuran ternyata menimbulkan kebinatangan para hakim peradilan terhadap sambutan dan penerimaan orang ramai terhadapnya.

Para pengkritik yang kemudian juga mendakwa bahawa Salina memberikan kelainan dibandingkan dengan karya-karya cerekita Melayu sebelumnya (Virginia Matheson Hooker 2003).

Wacana Kemerdekaan

Hooker mengagumi cara A. Samad membentangkan persoalan masyarakat Melayu yang dibelenggu kemiskinan dalam usaha mencari identiti sendiri daripada sudut yang positif dan matang.

Menurutnya, tema masa dan keadaan yang mendasari Salina dan menggerakkan usaha watak utamanya dan watak-watak lain digambarkan juga dari sudut politik dalam teks tersebut.

Ketika Nahidah, Hilmy dan Salina berusaha untuk hari depan yang lebih baik, Tanah Melayu sedang mempersiapkan dirinya untuk menghadapi kemerdekaan politik dan masa depan yang bebas daripada cengkaman penjajah zaman lampau.

"Kampung Kambang yang kemelaratannya digambarkan dengan begitu terperinci menuntut perubahan untuk penduduknya dan untuk negara keseluruhannya. Tuntutan itu diperkuat lagi dengan kemiskinan yang disebabkan kebukaran, yang ketubuhan pula dengan politik bagi Singapura dan Tanah Melayu.

"Permulaan politik yang baru ini yang dijanjikan oleh kemerdekaan dikaitkan dalam bahagian pertama bab terakhir dengan menyebut soal pembangunan berulang kali dan dengan wataknya rayat bahawa kini bakal wujud kebahagiaan hidup bagi penduduk Tanah Melayu" (Virginia Matheson Hooker 2003: 324).

Hal ini disebutkan dalam sepucuk surat yang dikirim oleh Salina kepada Hilmy: "Salina mahu hidup bahagia, hendak memulakan hidup baru" (petikan novel Salina cetakan pertama 1961).

"Bab terakhir Salina bermula dengan optimisme masa depan Hilmy dan seluruh negara. Kereta api yang ditumpanginya oleh Hilmy pulang ke Singapura dan kehidupan barunya - membayangkan perjalanan menuju masa hadapan" (Virginia Matheson Hooker 2003: 323).

A. Samad Said dalam bukunya *Dari Salina Ke Langit: Fatah: Proses Mencipta Novel (1979)* menceritakan beliau menulis novel tersebut ketika itu baru bertugas di Utusan Melayu di Cecil Street Singapura pada 1958.

Menurutnya, Awam B. Sarikan yang memperkenankan kepada seorang penjual mesin taip dan beliau membeli mesin taip barunya jenama Smith Corner (membayar secara anuitan) dengan gaji pertama (gajatu kedua) dari Utusan Melayu semata-mata untuk memulakan manuskrip novel Salina (A. Samad Said 1979: 51).

"Sambil belajar menaip inilah saya memulakan bab pertama novel Salina. Saya masih ingat lagi saya melakukannya di waktu Maghrib sesudah merasa begitu tenang. Saya gambarkan Kampung Kambang dan saya gambarkan pula Hilmy dengan ibunya pindah ke kampung tersebut." (A. Samad Said 1979: 50).

Salina yang berlatarbelakangkan kota Singapura selepas Perang Dunia Kedua, memfokuskan kehidupan di Kampung Kambang sebagai latar dan wacana serta para waktunya Salina seorang pelacur berhari-mula yang menjadi perempuan simpanan Abdul Fakar, seorang kelasi kapal yang hidup berjeritan dengan Hilmy, Nahidah, Razman, Khattah dan Sunarti.

"Saya selalu berbinca-bincang-jut tentang novel ini dengan A. S. Amin ketika kami minum kopi sarab di Owen Road, betul-betul di hadapan sebuah hotel yang laris. Saya tunjukkan seorang wanita yang laris dan memberitahu A.S. Amin: 'Itulah jenis manusia yang ingin aku rakamkan. Seorang yang terpaksa menjual maruahnyanya kerana sesuatu desakan yang tidak akan kita tahu - kerana masing-masing menghadapi desakan yang berbeza' (A. Samad Said 1979).

MOMEN & MEMORI

PERDANA
Mawardi, Tun Dr. Mahathir, Mahomed bin Abdul Wahid, Sastrawan Negara, dari kiri: Karik Mui, Utusan Awang dan A. Samad Said selengkap melancarkan buku Utusan Awang di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur pada 25 September 1992.

GAMBAR bertajuk "Wanita Sedar Mencampuri Publik" berita daripada koran akhbar Utusan Melayu bertarikh 2 April 1947. Kedua-dua gambar di atas menunjukkan kaum Angkatan Wanita Sedar (AWS) Cahang Singapura yang turut mencampuri rakamnya yang diwujudkan oleh Pusat Tenaga.

Sumber: Pusat Maklumat Utusan

Sahidan Jaafar. "Salina novel pertama bertaraf antarabangsa" *Utusan Malaysia* [Kuala Lumpur], 20 Feb. 2019, ms. 13.

**KUNJUNGI ARAS 7 & ARAS 10, MENARA PNM,
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

SALINA adalah sebuah novel yang menceritakan tentang percubaan seorang wanita mangsa Perang Dunia Kedua untuk memulakan hidup baru di sisi seorang lelaki yang kurang mengenal erti kasih sayang.

Dengan kemampuan yang terbatas, tapi penuh tanggungjawab dan harapan, Salina cuba memulihkan peribadi lelaki kasar yang diharap dapat menjadi pelindungnya.


Karya yang telah diterima sebagai novel bertaraf antarabangsa ini dengan indah dan menosok mengesani peristiwa-peristiwa pedih itu, menjadikannya sebuah karya sastera Melayu yang terpenting selepas Perang Dunia Kedua.

Tajuk : Salina / A. SAMAD SAID ;
translated by Lalita Sinha

No. Panggilan : 899.2333 ASS M


Penerbit : ITBM

Tahun : 2013




**KUNJUNGI ARAS 7 & ARAS 10, MENARA PNM ,
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

NOVEL SALINA VERSI BAHASA MELAYU



Tajuk : Salina / A. Samad Said ;
No. Panggilan : AKA 2001 KP
Penerbit : DBP
Tahun : 1976



Tajuk : Salina : sebuah novel dekad
50-an / A. Samad Ismail
No. Panggilan : 899.2333 ASS M & AH
0356 KP
Penerbit : DBP
Tahun : 1999

**KUNJUNGI ARAS 7 & ARAS 10, MENARA PNM ,
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

NOVEL SALINA VERSI BAHASA INGGERIS



Tajuk : Salina / A. Samad Said ;
translated from Malay by Harry
Aveling; introduced by A. Teeuw.

No. Panggilan : AKA 2000 KP

Penerbit : DBP

Tahun : 1975



Tajuk : Salina / A. Samad Said ;
translator Hawa Abdullah

No. Panggilan : 899.2333 ASS M

Penerbit : DBP

Tahun : 1991

**KUNJUNGI ARAS 7 & ARAS 10, MENARA PNM ,
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**